



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KEBERKESANAN PELAKSANAAN ‘FLIPPED CLASSROOM’ DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH BAGI MURID-MURID TAHUN 5



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SAIYIDATUL ‘ADIDAH BINTI KAMARUZZAMAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN ‘FLIPPED CLASSROOM’ DALAM MATA  
PELAJARAN SEJARAH BAGI MURID-MURID  
TAHUN 5**

**SAIYIDATUL ‘ADIDAH BINTI KAMARUZZAMAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Syukur kehadrat Allah SWT kerana atas limpah dan kurniaNya, saya dapat menyiapkan tesis yang bertajuk Keberkesanan Pelaksanaan “Flipped Classroom” Dalam Mata Pelajaran Sejarah bagi Murid-murid tahun 5 ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia Prof Madya Dr Noraini Binti Mohamed Noh yang sentiasa memberi bimbingan dan sokongan berterusan sepanjang proses pelaksanaan kajian dan tesis ini dilakukan. Sesungguhnya bimbingan dan nasihat yang diberikan banyak membantu saya dalam menghasilkan sebuah tesis yang baik.

Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya En. Kamaruzzaman Bin Sayuti dan Pn Sayah Bt Yusop yang sentiasa memberi dorongan, peringatan dan doa. Terima kasih juga diucapkan kepada suami En Dzairi Azmeer Bin Derahman dan juga anak perempuan saya Emma Sophia atas kesabaran, bantuan dan doa yang diberikan dari awal pengajian sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Sesungguhnya segala sokongan dan dorongan yang diberikan amat saya hargai dan syukuri.



Akhir kata, ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung di dalam proses pengajian dan penghasilan tesis ini. Semoga hasil penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada warga pendidik yang lain.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pembelajaran “*Flipped Classroom*” terhadap pencapaian akademik murid Tahun 5 dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi dan kepuasan belajar murid dalam pembelajaran Sejarah. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuasi eksperimen yang telah dijalankan di sebuah sekolah dalam daerah Kuala Selangor. Seramai 210 orang murid Tahun 5 telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan seramai 105 orang murid dan kumpulan rawatan juga seramai 105 orang murid. Instrumen kajian seperti ujian pra, ujian pos, serta soal selidik motivasi dan kepuasan belajar telah digunakan dalam kajian ini. Ujian-t digunakan untuk menentukan perbezaan Min skor antara pengajaran menggunakan “*Flipped Classroom*” dan Kaedah Konvensional. Dapatkan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan  $\{t(208)=30.8, p < 0.05\}$  antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pencapaian akademik kumpulan rawatan lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Dapatkan kajian juga menunjukkan kumpulan rawatan telah mencapai skor Min motivasi ( $M=4.2$ ;  $SP=0.12$ ) dan kepuasan ( $M=4.6$ ,  $SP=0.1$ ) yang tinggi. Hasil kajian ini telah menunjukkan murid dalam kumpulan rawatan sangat komited dalam semua aktiviti pembelajaran dan sentiasa seronok sepanjang pembelajaran Sejarah yang dilaksanakan melalui kaedah “*Flipped Classroom*”. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah “*Flipped Classroom*” dapat memberi kesan yang positif terhadap pencapaian akademik, motivasi dan kepuasan murid dalam pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sejarah.





## THE EFFECTIVENESS OF FLIPPED CLASSROOM IMPLEMENTATION IN HISTORY SUBJECT FOR YEAR 5 PUPILS

### ABSTRACT

This study aimed to view the effects of Flipped Classroom learning on the academic achievement level of Year 5 pupils in History subject. This study also intent to measure the motivation and satisfactory level of pupils in the learning of history. The design of the study is quasi-experimental and was carried out in a school located in Kuala Selangor District. A total of 210 Year 5 pupils were chosen randomly as the research sample. The research sample was divided into two groups, that is, a controlled and a treatment group comprising 105 pupils respectively. Research instruments such as pre-test, post-test, and motivational and satisfaction learning survey has been used in this study. T-test used to determine the difference of the mean score between learning using the Flipped Classroom and the Conventional Approach. The findings showed that there is a significant difference ( $t(2018)=30.8, p<0.05$ ) between the treatment and controlled group. The academic achievement level of treatment group is higher than the controlled group. The findings also revealed that the treatment group had achieved high motivation ( $M=4.2; SP=0.1$ ) and satisfaction ( $M=4.6; SP=0.1$ ) mean score. The study also revealed that pupils in the treatment group are highly committed in all learning activities and enjoy learning History throughout the lesson using Flipped Classroom method. The implication of the study showed that the implementation of Flipped Classroom method can give positive effects towards academic achievement, motivation and pupils' satisfaction in the teaching and learning of history.





## KANDUNGAN

Muka Surat

<b>BORANG PERAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x



## BAB 1 PENDAHULUAN



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Mata Pelajaran Sejarah	3
1.2.2	Kaedah Pengajaran Guru Sejarah	6
1.2.3	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	8
1.2.4	Pembelajaran Aktif	9
1.3	Permasalahan Kajian	10
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Objektif Kajian	15
1.6	Persoalan Kajian	16
1.7	Hipotesis Kajian	17





1.8	Kerangka Konseptual	18
1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Batasan Kajian	20
1.11	Definisi Operasional	20
1.11.1	Flipped Classroom	20
1.11.2	Mata Pelajaran Sejarah	22
1.11.3	Pengajaran dan Pembelajaran Konvensional	23
1.11.4	Motivasi	24
1.11.5	Kepuasan	25
1.11.6	Pencapaian Akademik	26
1.12	Kesimpulan	27

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	29
2.2	Teori Pembelajaran	30
2.2.1	Teori Pembelajaran Humanistik	31
2.2.2	Teori Kecerdasan Pelbagai	32
2.3	Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah	33
2.4	Teknologi Dalam Pendidikan	35
2.5	Teknologi Dalam Mata Pelajaran Sejarah	36
2.6	Flipped Classrom	38
2.7	Kelebihan Dan Kepentingan Flipped Classroom	39
2.8	Kajian-Kajian Lepas	42
2.9	Kesimpulan	44





### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Populasi Kajian	48
3.4	Sampel Kajian	50
3.5	Instrumen Kajian	51
3.5.1	Set Soalan Ujian	51
3.5.2	Soal Selidik Motivasi dan Kepuasan Belajar	53
3.5.2.1	Bahagian A – Demografi	54
3.5.2.2	Bahagian B – Motivasi	54
3.5.2.3	Bahagian C – Kepuasan Belajar	57
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	59
3.6.1	a.upsi Kesahan	59
3.6.1.1	Kesahan Muka	60
3.6.1.2	Kesahan Kandungan	62
3.6.2	Kebolehpercayaan	65
3.7	Prosuder Kajian	67
3.7.1	Sebelum Kajian Dilaksanakan	67
3.7.2	Semasa Kajian Dilaksanakan	68
3.7.2.1	Prosuder Kumpulan Rawatan	68
a)	Rawatan Pertama	72
b)	Rawatan Kedua	73
c)	Rawatan Ketiga	74
d)	Rawatan Keempat	76





e)	Rawatan Kelima	77
f)	Rawatan Keenam	78
g)	Rawatan Ketujuh	80
h)	Rawatan Kelapan	81
3.7.2.2	Prosuder Kumpulan Kawalan	83
3.7.3	Selepas Kajian Dilaksanakan	83
3.8	Analisis Data	84
3.9	Kesimpulan	87

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	88
4.2	Analisis Subjek Kajian	89
4.2.1	Taburan Sampel Mengikut Jantina, Bangsa dan Jawatan	89
4.2.2	Analisis Data Ujian Pra	92
4.3	Perbezaan Pencapaian Murid dalam Subjek Sejarah	93
4.4	Perbezaan Motivasi Murid Belajar Sejarah	94
4.5	Perbezaan Kepuasan Murid Belajar dalam Subjek Sejarah	95
4.6	Perbezaan Pencapaian Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Untuk Kumpulan Rawatan	97
4.7	Rumusan	98





## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	99
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	102
5.3	Perbincangan	104
5.3.1	Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Pencapaian Akademik	104
5.3.2	Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Pencapaian Motivasi Pelajar	107
5.3.3	Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Kepuasan Murid Belajar Sejarah	108
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	110
5.6	Kesimpulan Dapatan Kajian	111
5.7	Implikasi Kajian	113
5.7.1	Implikasi Kajian Terhadap Pedagogi	113
5.7.2	Implikasi Kajian Terhadap Guru dan Pelajar dalam PdP Topik YDPA Payung Negara	113
5.7.3	Implikasi Kajian Terhadap Penggubal Kurikulum	115
5.8	Rumusan	117
	<b>RUJUKAN</b>	118
	<b>LAMPIRAN</b>	
	A – Set Soalan Ujian	122
	B – Soal Selidik Motivasi dan Kepuasan Belajar	135





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Ukuran Skala Likert Soal Selidik Bahagian B	55
3.2 Item Soal Selidik Bahagian B	56
3.3 Ukuran Skala Likert Bahagian C	58
3.4 Item Soal Selidik Bahagian C	58
3.5 Cadangan Pakar dan Tindakan Pengkaji (Set Soalan Ujian)	61
3.6 Cadangan Pakar dan Tindakan Pengkaji (Soal Selidik)	61
3.7 Cadangan Pakar dan Tindakan Pengkaji (Set Soalan Ujian)	63
3.8 Cadangan Pakar dan Tindakan Pengkaji (Soal Selidik)	64
3.9 Pecahan Subtopik Mengikut Tempoh Rawatan	69
3.10 Ringkasan Aktiviti Mengikut Subtopik	70
3.11 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Pertama	72
3.12 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Kedua	74
3.13 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Ketiga	75
3.14 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Keempat	76
3.15 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Kelima	78
3.16 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Keenam	79
3.17 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Ketujuh	80
3.18 Pecahan Aktiviti Flipped Classroom Rawatan Kelapan	81
3.19 Hipotesis Kajian	84
4.1 Taburan Data Sampel Mengikut Jantina, Bangsa dan Jawatan	90
4.2 Dataran Analisis Ujian-T Ujian Pra	92
4.3 Analisis Ujian T Perbezaan Pencapaian Sejarah Kumpulan Kawalan dan Rawatan	93





4.4	Analisis Ujian T Perbezaan Motivasi Murid Belajar Sejarah Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	94
4.5	Analisis Ujian T Perbezaan Kepuasan Murid Belajar Sejarah Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	96
4.6	Analisis Ujian T Sampel Bersandar Perbezaan Pencapaian Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Untuk Kumpulan Rawatan	97
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	102





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	18
3.1 Hierarki Taksonomi Bloom, Benjamin Bloom (1956) di dalam Nazura (2012)	52





## SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

FC Flipped Classroom

ICT Information and Communication Technology

JSU Jadual Spesifikasi Ujian

KBAT Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

KPM Kementerian Pelajaran Malaysia

LCD Liquid Crystal Display

PdP Pengajaran dan Pembelajaran

PPD Pejabat Pendidikan Daerah

PPPM Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SPM Sijil Pelajaran Malaysia



YDPA Yang di-Pertuan Agong

VLE Virtual Learning Environment

TV Television





## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang wajib dipelajari oleh murid-murid di peringkat sekolah rendah, iaitu murid-murid yang berada pada tahap 2 bagi darjah 4, 5 dan 6 bermula pada tahun 2014. Usaha pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu mata pelajaran elektif yang wajib di peringkat sekolah rendah merupakan usaha yang sangat bagus dalam memberi pendedahan awal tentang subjek ini. Ini berikutan, dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri murid-murid sejak berada di sekolah rendah lagi.





Mata pelajaran Sejarah mengandungi banyak idea yang abstrak serta konsep yang kadangkala sukar difahami (Zahara, 2009). Guru-guru Sejarah sekolah rendah bertanggungjawab untuk membantu pelajar untuk meningkatkan minat dalam mata pelajaran Sejarah dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai dengan murid yang diajar.

Pengajaran mata pelajaran ini sememangnya dialu-alukan kerana sebelum ini tidak ada mata pelajaran tertentu yang ada elemen sejarah secara khusus diketengahkan untuk murid-murid sekolah rendah dan jika adapun elemen sejarah hanya dalam mata pelajaran Kajian Tempatan (Abdullah, 2013). Mata pelajaran Sejarah ini sememangnya penting khususnya kepada murid-murid di peringkat sekolah rendah kerana ia mampu menjadikan murid-murid mengambil iktibar dari peristiwa lampau dan berfikir untuk

masa depan selain dapat memupuk jati diri mereka untuk mencintai tanah air sendiri.  ptbupsi

Namun begitu, agak sukar bagi para guru Sejarah hendak melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran ini kepada murid-murid di peringkat sekolah rendah. Hal ini demikian kerana, mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran berfakta yang memerlukan proses belajar lebih kepada proses mengingat dan menghafal.

Sehubungan itu, pelbagai gaya pembelajaran dan pengajaran yang digunakan dan diperkenalkan bagi membantu para guru meningkatkan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran masing-masing. Salah satu gaya pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan dalam meningkatkan pencapaian murid-murid ini ialah kaedah pengajaran '*Flipped Classroom*'.





Dalam usaha pembudayaan pendidikan abad 21, guru haruslah sentiasa berada di hadapan untuk menerima dan menerapkan gaya pengajaran dan pembelajaran yang baharu bagi meningkatkan tahap pencapaian murid-murid di bilik darjah. (Halimi, 2016) Flipped Classroom merupakan kaedah pendekatan pengajaran yang mengalihkan masa kuliah di dalam kelas kepada kuliah melalui video di luar kelas. Justeru, waktu kelas digunakan sepenuhnya untuk aktiviti kolaborasi dan pengukuhan kepada para pelajar secara individu. Ini bermakna, murid-murid diberi video untuk ditonton sebelum masuk ke kelas. Di dalam kelas, sesi pembelajaran berlangsung dengan aktiviti.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

### 1.2.1 Mata Pelajaran Sejarah



Mata pelajaran Sejarah mula dipelajari oleh murid-murid sekolah rendah pada tahun 2014. Di mana pada waktu itu, mata pelajaran Sejarah hanya diajar pada murid-murid tahun 4 sebagai permulaan, kemudiannya diajar pada murid-murid tahun 5 dan 6. Mata pelajaran Sejarah bukan mata pelajaran teras di sekolah rendah, namun ia salah satu mata pelajaran wajib lulus untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh yang demikian, guru-guru mata pelajaran Sejarah sekolah rendah memikul satu tanggungjawab yang besar untuk memastikan murid-murid sekolah rendah mempunyai minat yang mendalam dalam mata pelajaran Sejarah.





Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang mempunyai waktu pengajaran dan pembelajaran yang terhad, iaitu hanya dua waktu bersamaan satu jam sahaja untuk seminggu. Di sini sekali lagi guru Sejarah memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan isi-isi pelajaran yang berbentuk fakta dalam waktu yang singkat dengan menggunakan pelbagai kaedah yang menarik untuk menarik perhatian murid-murid untuk fokus di dalam kelas. Rata-rata guru Sejarah tidak sempat untuk menghabiskan silibus yang diperuntukkan untuk setahun, memandangkan masa yang diperuntukkan terlalu singkat berbanding dengan topik yang perlu diajar.

Terdapat tiga tema besar di dalam subjek Sejarah sekolah rendah yang harus dikuasai oleh murid-murid, iaitu Tema Sejarah Awal Negara yang telah dipelajarai oleh murid-murid tahun 4, Tema Kedaulatan Negara yang telah dipelajarai oleh murid-murid tahun 5, dan Tema Kemakmuran Negara Kita yang telah dipelajarai oleh murid-murid tahun 6. Setiap tema besar mengandungi topik-topik yang penting, contohnya seperti di dalam Tema Sejarah Awal Negara, terdapat lima topik penting yang terkandung di bawahnya iaitu Mari Belajar Sejarah, Zaman Air Batu, Zaman Prasejarah, Kerajaan Melayu Awal, dan Tokoh-tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka.

Selain itu, bagi Tema Kedaulatan Negara pula, terdapat empat topik yang penting, iaitu Warisan Negara Kita, Perjuangan Kemerdekaan Negara, Yang di-Pertuan Agong, dan Identiti Negara Kita. Berbeza dengan Tema Kemakmuran Negara Kita, hanya tiga topik sahaja terkandung di dalam tema ini, iaitu Negara Malaysia, Kita Rakyat Malaysia, dan Pencapaian dan Kebanggaan Negara. Kesemua topik-topik yang terkandung di dalam silibus mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah, merupakan asas





untuk mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah nanti. Di sekolah rendah murid-murid telah diberi pendedahan awal mengenai topik-topik tersebut, manakala di sekolah menengah nanti mereka akan belajar secara lebih mendalam mengenai topik yang sama yang telah dipelajari di sekolah rendah.

Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang penting untuk murid-murid sekolah rendah. Hal ini kerana, pendedahan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah merupakan asas persediaan murid-murid untuk memperoleh dan menguasai pengetahuan-pengetahuan sejarah negara di peringkat awal. Secara tidak langsung membolehkan murid membina pengukuhan awal pengetahuan sejarah sebelum mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan lebih mendalam ketika di sekolah menengah nanti.



Selain daripada itu, mata pelajaran Sejarah juga dapat memberi pendedahan kepada murid-murid sekolah rendah untuk menganalisis serta menilai fakta-fakta sejarah yang telah dipelajari secara matang. Murid-murid juga dapat lebih mengenali latar belakang negara serta sejarahnya dengan melihat perubahan yang berlaku melalui topik-topik yang telah dipelajari dalam mata pelajaran Sejarah. Hal ini secara tidak langsung membolehkan murid-murid lebih menghargai sejarah tanah air sendiri dan kegemilangannya.





## 1.2.2 Kaedah Pengajaran Guru

Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam bilik darjah dianggap masih bersifat konservatif, tradisional, tidak aktif dan gagal mewujudkan suasana ‘*attractive*’ dalam pengajaran dan pembelajaran hingga memberi implikasi dan pengaruh negatif kepada minat pelajar (Ahamad et al; 2016).

Dekad demi dekad telah berlalu, pelbagai gaya pengajaran telah diperkenalkan dan digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Gaya pengajaran guru banyak berubah mengikut minat dan cara murid-murid belajar. Pada abad ini, guru-guru telah diperkenalkan dengan gaya pembelajaran abad 21 selaras dengan keperluan murid-murid generasi abad yang ke 21 ini. Jika sebelum ini gaya pengajaran guru lebih bercorak konvensional iaitu kaedah “*chalk n talk*”



Kaedah pengajaran Abad 21 ini, memerlukan guru menerapkan kemahiran maklumat dan komunikasi dalam diri pelajar, iaitu kemahiran yang menjurus kepada maklumat media dan kemahiran berkomunikasi. Selain itu, guru juga perlu bertanggungjawab menerapkan kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah iaitu kemahiran yang menjurus kepada kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran untuk meneroka secara kreatif. Kaedah pengajaran abad 21 ini juga memerlukan guru menerapkan kemahiran interpersonal dan arah kendiri dalam diri murid.





Kaedah pengajaran abad 21 ini lebih berpusatkan kepada murid. Di mana murid-murid telah belajar secara kolaboratif. Kolaboratif antara guru dan murid atau murid dan murid membantu murid untuk mengukuhkan kemahiran pembelajaran di dalam kelas secara tidak langsung dapat menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Melalui kemahiran berfikir aras tinggi murid dapat melakukan penilaian sendiri, menaakul pembelajaran, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan membuat refleksi berdasarkan sesuatu perkara.

Bermula dari tahun 1994 lagi Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Bagi menghasilkan murid yang dapat berfikir secara kreatif dan kritis pada abad ke-21 ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan program peta pemikiran *i-THINK*. Peta pemikiran *i-*

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah tbupsi

*THINK* merupakan salah satu alat berfikir yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharian. Peta pemikiran *i-THINK* dapat membantu murid untuk menguasai sesuatu tajuk pembelajaran dengan lebih berkesan terutamanya di dalam mata pelajaran Sejarah.

Selain itu, pembelajaran koperatif juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran dan pengajaran yang di gunakan di dalam mata pelajaran Sejarah. Pembelajaran koperatif memerlukan murid-murid bekerjasama di dalam kumpulan berbincang dan berfikir untuk memberi respon atau menyelesaikan sesuatu masalah dan berfikir secara berstruktur berdasarkan sesuatu topik yang diberi. Pembelajaran koperatif ini dapat memantapkan kemahiran sosial murid dan secara tidak langsung dapat meningkatkan penguasaan murid di dalam sesuatu topik terutamanya di dalam mata pelajaran Sejarah





### 1.2.3 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar.

Guru sebagai tenaga pengajar memerlukan pembantu di dalam kelas untuk mengukuhkan penguasaan sesuatu subtopik di dalam kelas. Pembantu itu adalah bahan bantu mengajar. Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar adalah sangat penting terutamanya di dalam mata pelajaran Sejarah ini. Sebagai seorang guru, haruslah bijak memilih bahan bantu mengajar yang sesuai dengan topik dan murid yang ingin diajar.

Penggunaan bahan bantu mengajar memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar. Bahan bantu mengajar ini juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (Omar din Ashaari, 1999). Penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, dapat membantu tingkatkan kefahaman murid dan secara tidak langsung dapat mengekalkan fokus murid di dalam kelas.

Guru berperanan untuk memilih bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut gaya pembelajaran murid yang diajar dan topik pembelajaran yang ingin dipelajari oleh murid. Hal ini kerana, mutu dan tumpuan murid-murid di dalam kelas dapat ditingkatkan jika guru menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai, secara tidak langsung dapat memudahkan guru untuk menyampaikan isi pengajaran.





#### 1.2.4 Pembelajaran Aktif

Pembelajaran aktif membolehkan murid-murid membangunkan kemahiran dan kreativiti dengan lebih berkesan. Pengenalan strategi baru memerlukan perubahan minda guru dan murid berada dalam keadaan bersedia. Guru-guru perlu menerapkan kaedah-kaedah baharu secara berkala bagi mendapat keberkesanan di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pendekatan yang menggalakkan pembelajaran aktif membolehkan murid-murid membuat perkaitan antara maklumat baharu dan pengetahuan sedia ada masing-masing. Guru-guru boleh merancang aktiviti di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan murid-murid untuk menganalisis masalah dan menyelesaikan masalah

berdasarkan perkaitan antara maklumat baharu dan pengetahuan sedia ada mereka.



Kaedah yang menggalakkan pembelajaran aktif sering menguji secara eksplisit kepada murid-murid untuk membuat perhubungan di antara informasi baru dan model mental semasa mereka, sekaligus meningkatkan kefahaman mereka. Guru boleh merancang aktiviti pembelajaran yang membenarkan pelajar untuk menghadapi situasi ‘salah faham’, untuk membantu murid-murid membina kembali model mental mereka berdasarkan kepada kefahaman yang lebih tepat. Kaedah-kaedah yang menggalakkan pembelajaran aktif menggalakkan jenis operasi kognitif yang dikenalpasti perlu untuk pembelajaran berpandukan teori pembelajaran konstruktivis.





Kaedah pembelajaran aktif juga selalunya meliputi penggunaan pembelajaran kooperatif secara berkumpulan, satu amalan yang berasaskan konstruktivis yang meletakkan penekanan yang tertentu kepada sumbangan yang boleh dibuat ketika interaksi sosial berlaku. Pembelajaran akan berlaku apabila murid-murid menyelesaikan masalah yang melebihi tahap perkembangan semasa dengan sokongan daripada pengajar atau rakan-rakan mereka. Oleh yang demikian, kaedah pembelajaran aktif yang bergantung kepada kerja berkumpulan terletak di dalam cabang sosiokultural daripada teori pembelajaran konstruktivis meningkatkan interaksi rakan sebaya untuk menggalakkan perkembangan murid-murid terhadap model mental yang lebih lanjut dan tepat.



### 1.3 Permasalahan Kajian



Pelbagai kajian telah dilakukan bagi mencari pelbagai kaedah pengajaran guru dan kaedah pembelajaran murid sebagai usaha untuk meningkatkan minat murid-murid dalam mata pelajaran Sejarah. Ini berikutnya, umum mengetahui bahawa mata pelajaran Sejarah adalah salah satu pelajaran yang mengandungi pelbagai fakta yang perlu diketahui.

Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang mengandungi banyak idea yang abstrak dan konsep yang susah difahami oleh murid (Zahara ; 2009). Mata pelajaran Sejarah yang membosankan dan padat dengan fakta-fakta menyebabkan mata pelajaran Sejarah ini kurang mendapat tempat di hati murid ( Anuar, 2009).





Ramai murid sering melabelkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran yang membosankan kerana terlalu banyak isi-isi penting, urutan peristiwa, dan fakta-fakta yang perlu dipelajari dan difahami.

Mata pelajaran Sejarah dianggap kaku, membosankan dan tidak menarik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004). Selain itu, mata pelajaran Sejarah juga kurang menarik perhatian murid dalam pembelajaran di dalam kelas (Mohd ; 2012). Kenyataan ini juga disokong oleh Khairuddin (2011) di mana isi pengajaran dan pembelajaran di dalam mata pelajaran Sejarah penuh dengan fakta dan jalan cerita yang mengandungi pelbagai kronologi peristiwa bersejarah menyebabkan susah untuk murid meminati dan memahami mata pelajaran Sejarah ini.

Hasil pencapaian murid-murid di dalam kelas bergantung kepada banyak faktor, dan salah satunya adalah gaya pengajaran seseorang guru itu. Gaya pengajaran yang berkesan penting untuk memastikan murid-murid dapat mencapai objektif pembelajaran. Pendekatan konvensional, iaitu ‘*Chalk and Talk*’ yang biasa diamalkan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bersifat interaksi sehala. Pengajaran Sejarah di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah sepatutnya tidak bersifat jumud. Ia tidak seharusnya tertumpu kepada ledakan fakta daripada guru kepada pelajar (Zahara ; 2004).

Interaksi sehala merupakan perhubungan sehala daripada guru kepada murid-murid, dimana penumpuan diberikan kepada guru, kurang interaksi langsung antara murid dan murid dan aktiviti bercorak pasif (Surambi,2011). Dalam pembelajaran bersifat interaksi, guru menggunakan keseluruhan masa di dalam kelas hanya untuk





menyampaikan isi kandungan pelajaran baru kepada murid-murid. Keadaan ini menyebabkan kekurangan masa untuk membuat aktiviti berpusatkan murid-murid di dalam kelas yang secara tidak langsung menyebabkan mereka kurang berminat untuk belajar.

Ketandusan unsur kreatif dalam pengajaran sejarah menyebabkan pelajar berasa bosan, jemu dan tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah. (Azwan ; 2005). Hal ini demikian kerana pada setiap hari, mereka akan melalui rutin yang sama, iaitu hanya mendengar isi pembelajaran daripada guru dan kurang masa yang digunakan secara aktif di dalam kelas. Murid-murid akan bertambah bosan untuk mendengar penerangan fakta semata-mata daripada guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas khasnya bagi mata pelajaran Sejarah. Hal ini menyebabkan kebanyakan



Pendekatan yang pelbagai dan berinovasi diperlukan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah diminati selaras dengan matlamatnya sebagai asas pembentukan warganegara yang patriotik (Mohd ; 2014). Guru kini bukan hanya berperanan sebagai pendidik, seorang guru akan dibebani oleh pelbagai tugas lain yang menyebabkan gaya pengajaran seorang guru terjejas. Terdapat pelbagai urusan pengkeranian yang perlu dilakukan oleh seorang guru. Seorang guru akan memegang pelbagai jawatan, dan jawatan itu mempunyai pelbagai perkara yang perlu dilakukan.

Dalam pada itu juga, guru masa kini, terlalu banyak terlibat dengan kursus di luar sekolah yang menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tertangguh. Bagi meningkatkan kualiti guru, pelbagai kursus dan taklimat perlu dihadiri oleh guru. Bagi





guru yang berkebolehan pula, kebanyakan masa di sekolah telah dihabiskan untuk melatih murid bagi sesatu pertandingan, contohnya seperti pertandingan sukan seperti bola jaring dan bola sepak. Hal ini akan menyebabkan guru-guru masa kini telah kekurangan masa untuk mempersiapkan diri menyediakan bahan pengajaran. Malahan guru juga mempunyai masa pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang sangat terhad.

Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang mempunyai disiplin ilmu yang tersendiri. Mata pelajaran Sejarah memerlukan murid untuk mempelajari tentang perkara-perkara yang telah lalu pada zaman dahulu dan perlu dijadikan iktibar. Mata pelajaran Sejarah mengandungi pelbagai fakta-fakta penting, peristiwa-peristiwa bersejarah, alir masa sesuatu kejadian dan tokoh-tokoh sejarah yang perlu diingat oleh murid-murid. Oleh yang demikian, ia menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran yang membosankan dan tidak menarik minat murid-murid untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah ini.

Pengajaran adalah berkait dengan tanggungjawab guru sebagai penyampai ilmu dan keberkesanan pengajaran ialah kejayaan guru mencapai objektif dalam membantu pelajar belajar apa yang hendak mereka sampaikan (Anuar, 2009). Sehubungan itu, gaya pengajaran yang berkonsepkan ‘*Flipped Classroom*’ diharapkan dapat mengatasi masalah tersebut. Yusri, 2016 menjelaskan “*Flipped Classroom*” ialah satu konsep pedagogi yang mengantikan kuliah dalam kelas dengan peluang-peluang untuk meneroka dan mengkaji bahan-bahan di luar bilik darjah melalui klip video dan bacaan. Masa pengajaran satu hala berubah menjadi persekitaran pembelajaran bimbingan inkir yang berpusatkan pelajar di mana pelajar digalakkan untuk melibatkan diri





secara aktif dalam aktiviti-aktiviti seperti pembinaan pengetahuan, perbincangan kolaratif dan penyelesaian masalah.”

Melalui gaya pembelajaran sebegini, murid-murid telah diberikan tugas yang perlu dilakukan seperti melakukan bacaan atau menonton video yang ditetapkan secara bersendirian yang akan dilakukan sendiri di rumah. Apabila berada di sekolah pula, guru telah menjadi pemudahcara kepada mereka untuk menyelesaikan masalah yang timbul ketika mereka melakukan pembelajaran sendiri.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran ‘*Flipped Classroom*’ di bilik darjah dalam meningkatkan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah khususnya bagi murid-murid Tahun 5. Kajian ini juga bertujuan mengesan perbezaan pencapaian murid-murid Tahun 5 dalam subjek Sejarah yang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran ‘*Flipped Classroom*’ berbanding pembelajaran secara konvensional, mengukur tahap perbezaan motivasi murid-murid terhadap pembelajaran Sejarah menggunakan pendekatan kaedah pembelajaran “*Flipped Classroom*”. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan kepuasan murid terhadap pembelajaran Sejarah menggunakan kaedah “*Flipped Classroom*” berbanding dengan pembelajaran konvensional.





## 1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif umum adalah untuk keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan '*Flipped Classroom*' dalam kalangan murid-murid tahun 5. Objektif khusus kajian ini pula adalah seperti berikut:

1. Menentukan samada terdapat perbezaan pencapaian murid dalam subjek sejarah yang menggunakan kaedah '*Flipped Classroom*' berbanding dengan pembelajaran secara konvensional.
2. Menentukan samada terdapat perbezaan motivasi murid belajar Sejarah menggunakan kaedah '*Flipped Classroom*' berbanding dengan pembelajaran secara konvensional.
3. Menentukan samada terdapat perbezaan tahap kepuasan murid belajar Sejarah menggunakan "*Flipped Classroom*" berbanding dengan pembelajaran secara konvensional.
4. Menentukan samada terdapat perbezaan pencapaian antara ujian pra dan ujian pos untuk kumpulan rawatan.





## 1.6 Persoalan Kajian

Bagi mendapatkan jawapan daripada objektif yang telah dinyatakan, berikut adalah persoalan-persoalan kajian yang telah menjadi asas kepada kajian ini:

1. Adakah terdapat perbezaan pencapaian murid dalam subjek sejarah yang menggunakan kaedah ‘*Flipped Classroom*’ berbanding dengan pembelajaran secara konvensional ?
2. Adakah terdapat perbezaan motivasi murid belajar Sejarah menggunakan kaedah ‘*Flipped Classroom*’ berbanding dengan pembelajaran secara konvensional?
3. Adakah terdapat perbezaan kepuasan murid belajar Sejarah menggunakan kaedah “*Flipped Classroom*” berbanding dengan pembelajaran secara konvensional?
4. Adakah terdapat perbezaan pencapaian antara ujian pra dan ujian pos untuk kumpulan rawatan?





## 1.7 Hipotesis Kajian

**Ho1.** Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam subjek sejarah yang menggunakan kaedah ‘*Flipped Classroom*’ berbanding dengan pembelajaran secara konvensional.


**Ho2.** Terdapat perbezaan yang signifikan motivasi murid belajar Sejarah menggunakan kaedah ‘*Flipped Classroom*’ berbanding dengan pembelajaran secara konvensional

**Ho3** Terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan murid belajar Sejarah menggunakan kaedah “*Flipped Classroom*” berbanding dengan pembelajaran secara konvensional.

**Ho4.** Terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian murid dalam ujian



## 1.8 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.9 Kepentingan Kajian

Pentingnya kajian ini dilakukan kerana mata pelajaran Sejarah menjadi salah satu mata pelajaran wajib lulus untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), oleh yang demikian bermula dari sekolah rendah lagi harus didedahkan dengan cara pembelajaran sejarah yang berkesan.



Hasil kajian ini penting kepada semua pihak yang berkaitan. Di mana kajian ini dapat membantu pelbagai pihak dalam meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran terutamanya di dalam mata pelajaran Sejarah dengan penggunaan kaedah '*Flipped Classroom*'. Hasil kajian ini penting kerana :

- Guru Sejarah dapat menggunakan hasil kajian ini untuk mengetahui tahap keberkesaan penggunaan kaedah '*Flipped Classroom*' dalam mata pelajaran Sejarah.
- Pentadbir sekolah boleh menggunakan hasil kajian ini untuk menggalakkan guru-guru lain mengaplikasikan kaedah '*Flipped Classroom*' di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam semua mata pelajaran lain.
- Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) boleh menggunakan hasil kajian ini untuk melaksanakan kursus kaedah '*Flipped Classroom*' kepada semua guru di dalam daerah tersebut bagi menggalakkan lagi penggunaan kaedah tersebut di sekolah masing-masing.
- Sebagai rujukan kepada mana-mana individu yang berminat untuk membuat kajian di dalam kaedah '*Flipped Classroom*' ini.





## 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya difokuskan kepada penggunaan kaedah ‘*Flipped Classroom*’ untuk mata pelajaran Sejarah sahaja. Justeru, ia tidak melibatkan penggunaan kaedah ‘*Flipped Classroom*’ dalam matapelajaran lain. Kajian ini juga hanya melibatkan murid-murid tahap 2 sahaja yang tidak mengikuti kelas tambahan Sejarah di. Selain itu, kajian ini telah dijalankan di negeri Selangor sahaja. Kajian ini tidak melibatkan negeri lain di Malaysia, manakala guru yang telah terlibat adalah guru yang mengajar Sejarah tahap 2 sahaja. Pengutipan data hanya menggunakan ujian pra, ujian pos dan borang soal selidik, kaedah-kaedah lain tidak digunakan dalam kajian ini. Selain itu, masalah kematangan dan kesediaan murid-murid juga sedikit sebanyak menjadi faktor yang mempengaruhi keputusan kajian.



## 1.11 Definisi Operasional

Definisi istilah yang digunakan dalam tajuk kajian saya adalah seperti berikut.

### 1.11.1 Flipped Classroom

Mohd Afiq (2015) ‘*Flipped Classroom*’ atau FC merupakan salah satu pedagogi/teknik pengajaran abad ke 21. Mengapa abad ke 21? Kerana abad ini semuanya adalah akses kepada teknologi dan pendidikan semasa memang tidak boleh lari dengan kewujudannya. FC merujuk kepada amalan pengajaran guru yang berbeza dengan biasa/tradisional.





Ianya dimulakan dengan penyediaan sumber/video interaktif pengajaran guru di laman media seperti Youtube. Murid telah mengakses bahan tersebut (video) dan mempelajarinya hanya di atas meja komputer rumah mereka. Selepas itu, murid telah berada di kelas dan menjalankan kerja kursus, projek, tugas, kuiz, atau pembentangan hasil kerja. Guru hanya sebagai fasilitator yang merancakkan kelas dengan soalan-soalan berfikir aras tinggi KBAT.

Halimi (2013) *Flipped Classroom* merupakan kaedah pendekatan pengajaran yang mengalihkan masa kuliah di dalam kelas kepada kuliah melalui video di luar kelas. Maka waktu kelas digunakan sepenuhnya untuk aktiviti kolaborasi dan pengukuhan kepada pelajar secara individu. Erti kata mudahnya, pelajar diberi video untuk ditonton sebelum masuk kelas. Di dalam kelas, hanya berlangsung sesi pembelajaran dengan



Dalam kajian ini, *flipped classroom* merujuk kepada gabungan penggunaan pelbagai perisian teknologi seperti *Frog VLE*, *Youtube*, *Gmail*, dan *Edu Web TV* yang telah dilayari oleh murid-murid sebelum atau selepas proses pengajaran dan pembelajaran yang diarahkan oleh guru. Di dalam kajian ini juga, murid telah mempelajari sesuatu topik sebelum proses pengajaran dengan menggunakan teknologi yang telah diarahkan oleh guru. Manakala ketika pdp hanya berfokus kepada aktiviti dan perbincangan kumpulan semata-mata. Oleh yang demikian murid dan guru lebih banyak berinteraksi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.





### 1.11.2 Mata Pelajaran Sejarah

Mata pelajaran Sejarah merupakan antara mata pelajaran yang wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia, telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah mulai tahun 2014 bagi menggantikan Kajian Tempatan. Guru-guru yang telah atau bakal mengajar mata pelajaran ini telah pun menghadiri kursus Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Murid rintis pemulanya ialah murid Tahun 4. Dengan harapan, setelah murid-murid didedahkan seawal usia akan sejarah Malaysia, mereka ini mampu menanam kecintaan terhadap negara.



Di samping itu, besar harapannya agar melalui mata pelajaran sejarah juga, mampu memupuk perpaduan, sikap toleransi, menghormati budaya, agama sesama sendiri. Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang telah dipelajari oleh murid-murid tahap dua iaitu murid-murid tahun empat, lima dan enam. Bermula pada tahun 2014, murid-murid tahun 4 telah mempelajari mata pelajaran Sejarah bagi menggantikan mata pelajaran Pendidikan Sivik Kewarganegaraan dan Kajian Tempatan.

Di dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pembelajaran *Flipped Classroom* di dalam mata pelajaran Sejarah untuk murid-murid tahun lima. Iaitu di dalam topik yang ketujuh, yang bertajuk Yang di-Pertuan Agong Payung Negara.





### 1.11.3 Pengajaran dan Pembelajaran Konvensional

Nurulhuda (2014) pembelajaran atau pemikiran para pelajar telah terbatas dan sukar untuk berkembang. Kaedah pengajaran secara tradisional biasanya adalah berpusatkan guru iaitu guru terlibat secara aktif di dalam kelas malahan guru sahaja yang menguasai sesi pengajaran dan pembelajaran dan sebaliknya bagi pelajar iaitu pelajar akan menjadi pasif.

Djamarah (1996) di dalam Muhamad Kholik (2011), kaedah pembelajaran konvensional adalah kaedah pembelajaran tradisional atau disebut juga dengan kaedah ceramah, kerana sejak dulu kaedah ini telah dipergunakan sebagai alat komunikasi lisan antara guru dengan anak didik dalam proses belajar dan pembelajaran. Dalam pembelajaran sejarah kaedah konvensional biasanya dilakukan dengan cara seperti ceramah yang diiringi dengan penjelasan, serta pembahagian tugas dan latihan.

Gaya pengajaran dan pembelajaran konvensional ataupun tradisional merupakan gaya yang telah lama digunakan oleh kebanyakan guru-guru. Di mana melalui gaya pengajaran dan pembelajaran konvensional ini proses pengajaran dan pembelajaran berpusat kepada guru. Guru merupakan sumber utama penyampaian isi pelajaran di dalam kelas. Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru telah mengambil masa yang lama untuk menerangkan sesuatu topik pengajaran, murid telah belajar sesuatu topik yang baru di dalam kelas.





Di dalam konteks kajian ini gaya pengajaran dan pembelajaran konvensional merujuk kepada gaya pembelajaran yang biasa digunakan oleh guru yang menggunakan pelbagai bahan bantuan mengajar, penggunaan ICT, dan Frog VLE. Namun penyampaian isi pelajaran telah dilaksanakan di dalam waktu yang terhad iaitu ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sahaja. Murid mempunyai waktu yang terhad di dalam kelas untuk memahami sesuatu perkara.

#### 1.11.4 Motivasi

Taidin Suhaimin (2015) perkataan motivasi adalah berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris - "*motivation*". Perkataan asalnya ialah "*motive*" yang juga telah dipinjam oleh Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia kepada motif, yakni bermaksud tujuan. Di surat khabar, kerap pemberita menulis ayat "motif pembunuhan". Perkataan motif di sini boleh kita fahami sebagai sebab atau tujuan yang mendorong sesuatu pembunuhan itu dilakukan. Jadi, ringkasnya, oleh kerana perkataan motivasi adalah seerti dengan sebab dan tujuan, maka tujuan seseorang itulah sebenarnya yang menjadi penggerak utama baginya berusaha keras mencapai atau mendapat apa juga yang diinginkannya sama ada secara negatif atau positif.

Noor Atikah (2015) motivasi bermaksud kemauan atau kesanggupan untuk melakukan sesuatu tanpa perlu disuruh atau dipaksa (*eagerness and willingness to do something without needing to be told or forced to do it*). Perkataan motivasi sebenarnya berasal daripada perkataan motif yang bermaksud sesuatu yang menyebabkan seseorang melakukan sesuatu, terutama sekali apabila sebab ini disembunyikan (*the*





*reason that makes someone do something, especially when this reason is kept hidden)*

atau dalam erti kata yang lebih ringkas, motif bermaksud tujuan.

Motivasi secara umumnya terbahagi kepada dua, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik secara ringkasnya dapat diperkatakan motivasi yang wujud dalam diri seseorang tanpa pengaruh atau sokongan dari pengaruh luar, manakala motivasi ekstrinsik pula bertentangan dengan motivasi intrinsik dimana seseorang individu itu telah melakukan sesuatu perkara disebabkan dorongan dan pengaruh luar, kebiasannya seperti ganjaran.

Dapat disimpulkan bahawa motivasi membawa maksud tingkah laku seseorang yang dilakukan tanpa suruhan atau paksaan dari orang lain. Di dalam konteks kajian ini, murid bermotivasi ditakrifkan sebagai murid yang ingin belajar Sejarah dengan menggunakan kaedah pembelajaran Flipped Classroom tanpa paksaan. Motivasi ini boleh dilihat melalui tingkah laku, pemikiran dan juga perasaan murid-murid sepanjang kajian ini dilaksanakan.

### 1.11.5 Kepuasan

Kepuasan murid ialah kepuasan atau kekecewaan yang dirasakan oleh murid setelah membandingkan antara harapan dengan kenyataan yang ada (Kotler, 1997). Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, ransangan dan peneguhan yang diberi mempengaruhi kepuasan belajar seseorang murid. Aspek perbezaan pencapaian antara individu harus dititikberatkan dalam memenuhi kepuasan belajar murid. Setiap murid mempunyai tahap kepuasan belajar yang berbeza.





Di dalam konteks kajian ini kepuasan merujuk kepada kepuasan murid belajar Sejarah di dalam Topik 7 yang bertajuk Yang di-Pertuan Agong Payung Negara dengan menggunakan kaedah pembelajaran “Flipped Classroom”. Kepuasan belajar murid dapat dilihat apabila murid berasa seronok dan berpuas hati menjalankan aktiviti di dalam kelas dan menglibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kepuasan belajar juga dapat dilihat apabila murid berpuas hati dengan gaya pembelajaran FC iaitu merangkumi kepelbagaiannya tugas yang diberikan, kepelbagaiannya penggunaan bahan bantu mengajar serta penggunaan multimedia sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dilaksanakan.

### 1.11.6 Pencapaian Akademik



Adi S (2014) menerangkan bahawa tingkat bererti pangkat, taraf, dan kelas. Sedangkan peningkatan berarti kemajuan. Meningkatkan dalam kajian ini merujuk kepada usaha untuk menaikkan taraf pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Sejarah. Zubaidah Che Sulaiman (2012) menyatakan bahawa pencapaian murid pencapaian pada tahap tertentu yang diperoleh oleh individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Pencapaian akademik murid di dalam kajian ini membawa maksud tahap penguasaan murid terhadap topik 7 Sejarah tahun 5 iaitu Yang di-Pertuan Agung Payung Negara yang dapat dilihat menerusi keputusan perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pos.





## 1.12Kesimpulan

Selaras dengan keperluan kurikulum sekolah rendah sekarang, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadikan mata pelajaran sejarah sebagai salah satu mata pelajaran elektif di sekolah rendah sebagai usaha memberi pendedahan awal kepada murid-murid sejak kanak-kanak lagi.

Justeru, kajian ini dilakukan supaya dapat menarik minat, memberi motivasi dan meningkatkan pencapaian murid-murid kepada mata pelajaran Sejarah yang dikatakan satu mata pelajaran yang membosankan. Ini berikutnya, murid-murid perlu banyak mendengar dan mengingat fakta. Lantaran itu, gaya pembelajaran dan pengajaran perlu dipelbagaikan oleh guru bagi menarik minat murid-murid untuk mempelajarinya dan salah satunya ialah gaya '*Flipped Classroom*'.

Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat melihat senario sebenar yang berlaku di sekolah sekaligus boleh memainkan peranan sama-sama membimbing dan memperbaikkan kelemahan dan kekurangan dalam kalangan murid-murid. Langkah positif seperti ini perlu diteruskan untuk membantu mencapai aspirasi negara supaya masalah gagal mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dalam kalangan murid-murid dapat dikurangkan dan diatasi.





Bab ini juga menghuraikan beberapa perkara penting tentang kajian yang dijalankan mencakupi bahagian pengenalan yang melibatkan perbincangan aspek-aspek berkaitan dengan kaedah pembelajaran ‘*Flipped Classroom*’ dan peningkatan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Sejarah.

